

# Sudah terlanjur dilarang nikah

Ibu ubah fikiran selepas dengar ramalan bomoh mengenai teman lelaki

## Soalan

**S**AYA berusia 24 tahun dan menuntut dalam tahun dua di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Saya mempunyai teman lelaki berusia 26 tahun dan dikenali sejak lima tahun lalu. Dia penuntut sambilan di IPTS lain.

Walaupun menuntut secara sambilan, dia tidak bekerja dan menyewa di flet kepunyaan keluarga saya sejak empat tahun lalu.

Dia hanya membayar sewa apabila bekerja kerana sering bertukar kerja. Masalah itu menyebabkan dia menganggur kerana kesukaran mendapatkan pekerjaan baru.

Saya beberapa kali menasihatinya mengumpul duit supaya dapat berkahwin segera

kerana kami sudah beberapa kali terlanjur.

Baru-baru ini, saya menyatakan hasrat untuk berkahwin kepada keluarga dan keluarganya bersetuju dengan wang hantaran yang saya minta.

Keluarga saya pada mulanya tidak menyukainya tetapi disebabkan kerajinannya membantu ketika diperlukan, dia diterima. Kami bercadang bertunang akhir tahun ini.

Bagaimanapun, beberapa hari selepas persetujuan di buat, ibu berjumpa bomoh untuk melihat sama ada dia sesuai untuk saya atau tidak.

Pulang ke rumah, ibu melarang saya berkahwin dengan dia kerana menurut bomoh terbabit, teman lelaki saya dikatakan kaki perempuan dan panas baran.

Hati saya hancur tetapi tidak mampu melakukan apa-apa melainkan mendiamkan diri kerana tidak mahu menderhaka.

Saya tahu dia tidak begitu kerana selama ini teman lelaki melayan saya dengan baik dan tidak keluar dengan wanita lain.

Saya amat tertekan apatah lagi akan menduduki peperiksaan akhir semester. Saya mengalami kemurungan dan tidak dapat memberi fokus kepada pelajaran.

Tolonglah Dr, apa patut saya lakukan.

Gadis Bingung,  
Bandar Baru Bangi

## Jawapan

**TINDAKAN** ibu berjumpa dengan bomoh bagi mengetahui sikap dan tingkah laku

teman lelaki adik mungkin didorong perasaan sayang serta ingin melihat anaknya mendapat suami yang baik. Seseorang ibu pastinya selalu menginginkan yang terbaik untuk anaknya. Namun, tindakannya berjumpa dengan bomoh itu tidak disenangi adik.

Dari sudut agama, amalan bomoh perlu mengikutinya. Jika tidak teliti dan tak memahami panduan ditetapkan syariat, amalan itu mudah menghampirkan seseorang kepada syirik. Islam juga mengharamkan perbuatan menilik.

Dalam hadis diriwayatkan Abu Daud dari Abu Hurairah bermaksud: "Barang siapa mendatangi kahin (dukun) dan membenarkan apa yang mereka katakan, sungguh ia kafir terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad." Namun, berjumpa bomoh untuk kebaikan tidak ditegah jika dilakukan mengikut tuntutan syariat.

Berbalik dengan masalah adik, oleh kerana rasa hormat dan tidak mahu menderhaka kepada ibu,

adik mendiamkan diri.

Tetapi pada waktu yang sama, adik berasa begitu terseksa sehingga mengalami kemurungan.

Untuk mengurangkan tekanan dan kemurungan yang adik alami, luahkan perasaan itu kepada ibu. Berbincang cara baik dengan ibu mengenai apa yang sudah berlaku antara adik dengan teman lelaki. Selain itu, jelaskan juga apa yang adik sedang alami iaitu mengalami kemurungan sehingga mengganggu pelajaran.

Hati ibu mudah mengasihani. Bak kata pepatah 'kasih ibu sepanjang jalan, kasih anak sepanjang galah' dan 'kasih sayang seorang ibu takkan terganti'. Jika ibu benar-benar sayangkan adik, tentu sekali dia akan mengambil tindakan yang membantu dalam mengatasi masalah ini.

Selain itu, jika ibu adik benar-benar ingin mengetahui mengenai sikap dan tingkah laku teman lelaki, jelaskan dia boleh melakukannya dengan bertanya terus kepadanya atau orang yang rapat

dengannya. Ibu juga boleh bertandang sendiri ke rumah keluarga teman lelaki.

Dalam permasalahan adik ini, perkahwinan adalah penyelesaian terbaik untuk kalian berdua lebih-lagi masalah keterlanjuran adik berdua. Dengan berkahwin, ia boleh mengelak adik dan teman lelaki daripada melakukan perkara yang tidak baik. Jika perkahwinan ini dilaksanakan, adalah lebih baik teman lelaki adik itu bekerja supaya dia boleh menjalankan tanggungjawabnya dengan memberi adik makan, minum, pakai dan tempat tinggal daripada sumber serta usaha halal.

Firman Allah bermaksud: "Lelaki itu pemimpin bagi perempuan dengan apa-apa yang Allah lebihkan sebahagian mereka ke atas sebahagian yang lain dan lantaran lelaki itu memberikan nafkah dengan harta mereka. Perempuan yang baik ialah perempuan yang setia dan menjaga diri di belakang suami akan apa-apa yang disuruh Allah menjaganya." (An-Nisa ayat 34)

## Penuntut kurang keyakinan diri

### Soalan

**S**AYA pelajar tahun dua di sebuah institut pengajian tinggi awam (IPTA). Masalahnya, saya kurang yakin dengan diri sendiri untuk melakukan banyak perkara di universiti seperti pembentangan dalam bilik kuliah dan melontarkan pendapat dalam sesi pembentangan.

Hal ini sentiasa mendatangkan masalah kepada saya untuk memajukan diri dalam pelbagai aktiviti di universiti walaupun berminat menyertainya. Disebabkan tahap keyakinan diri yang rendah, saya pendamkan saja minat itu.

Sebagai pelajar universiti, saya ingin menjadi seorang pelajar yang memiliki keyakinan yang tinggi demi masa depan di universiti dan di alam pekerjaan.

Saya berharap Dr dapat membantu menangani masalah ini.

Gadis pemalu,  
Ipoh, Perak

### Jawapan

**SEMUA** orang inginkan keyakinan dalam hidup mereka namun untuk mendapatkannya, ia bukan sesuatu yang mudah.

Oleh itu, Dr menyenaraikan beberapa petua agar dapat meningkatkan keyakinan dan konsep sendiri adik.

Pertama, cuba elak berhubung dengan orang yang boleh membuatkan adik rasa rendah diri dan terganggu emosi. Mereka ini akan melakukan pelbagai cara seperti mengkritik, mempermainkan atau sabotaj impian adik. Oleh itu, jangan beri kesempatan dan membiarkan mereka menawan hidup adik.

Adik perlu membina hubungan baik dengan mereka yang berfikir positif dan belajar dengan mereka bagaimana menawan kehidupan ini.

Selain itu, beri senyuman sebanyak mungkin supaya membantu seseorang itu gembira. Jika ingin membina keyakinan diri, tunjukkanlah penghargaan adik kepada

orang. Terjemahkan ucapan penghargaan adik dengan ucapan terima kasih dan sentiasa menghubungi mereka yang pernah membantu sebagai tanda menghargai pertolongan mereka.

Adik boleh meningkatkan keyakinan diri dengan melakukan perkara yang memberi adik sebab untuk rasa yakin. Tidak salah kalau adik menyenaraikan pencapaian adik walau sekecil manapun ia.

Dalam mengurangkan pemikiran negatif, senaraikan kejayaan atau pencapaian positif adik. Ini sekurang-kurangnya boleh membuatkan adik rasa gembira apabila membacanya. Di samping itu, adik perlu banyakkannya membaca buku bersifat motivasi.

Gantikan kerisauan diri dengan aksi atau tindakan positif. Bayangkan diri adik sebagai seorang yang berjaya. Ramai orang yang berjaya dalam kehidupan kerana mereka sering melakukan perkara ini.